

B573:  
MAHATHIR  
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN BOLEH CAMPURTANGAN DALAM HALEHWAL AGAMA SESEBUAH NEGERI HANYA JIKA IA MELIBATKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH.

BELIAU MENEGASKAN INI KERANA ISLAM DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAIT DENGAN AGAMA ISLAM ADALAH TANGGUNGJAWAB KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

+KERAJAAN PERSEKUTUAN BOLEH BERTINDAK HANYA SEKIRANYA ADA ORANG-ORANG YANG MENGGUNAKAN AGAMA UNTUK TUJUAN JENAYAH, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT PAMERAN PERABOT ANTARABANGSA KUALA LUMPUR '80 DI CHANGKAT PAVILION DI SINI HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENGULAS KENYATAAN TUNKU ABDUL RAHMAN MENGENAI SERANGAN KE ATAS BALAI POLIS BATU PAHAT OLEH SEKUMPULAN FANATIK ISLAM BARU-BARU INI.

TUNKU TELAH MENCADANGKAN SUPAYA DIKAJI DENGAN SERIUS KEMUNGKINAN MENYEMAK SEMULA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEMBERI KERAJAAN PERSEKUTUAN KUASA BERTINDAK TERHADAP SEBARANG GERAKAN YANG FANATIK DAN MENYELEWENG. — BERSAMBUNG 2040/LK

B574:  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, KEPUTUSAN MEMINDAHKAN KUASA KERAJAAN NEGERI KE ATAS PERKARA-PERKARA AGAMA KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN BERGANTUNG KEPADA DEWAN UNDANGAN NEGERI MASING-MASING.

MENGENAI PENGLIBATAN TIGA ORANG PELARIAN KAMPUCHEA DALAM SERANGAN ITU, BELIAU BERKATA KERAJAAN MENGANGGAP MEREKA BUKAN SEBAGAI PENDUDUK NEGARA INI TETAPI SEMATA-MATA BERADA DI NEGARA INI DALAM PERJALANAN KE NEGARA KETIGA.

+MEREKA MUNGKIN RAKYAT MALAHSIA YANG TELAH MENETAP DI KAMPUCHEA ATAU PUN SAUDARA MARA RAKYAT NEGARA INI. INI MUNGKIN SEBABNYA MEREKA BOLEH BERTUTUR DENGAN FASIH DALAM BAHASA MELAYU, + UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN MEREKA TIDAK BERTINDAK LIAR DAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KEGIATAN POLITIK ATAU AGAMA DALAM NEGERI.

SAMBIL MENYATAKAN KUMPULAN FANATIK SEUMPAMA ITU SENTIASA WUJUD DALAM SEMUA MASYARAKAT, BELIAU BERKATA, +INI TIDAK BERMAKNA KITA AKAN MEMBIARKANNYA HINGGA MENCETUSKAN KEADAAN YANG SERIUS.+ — BERSAMBUNG 2043/LK

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

88

+ADALAH SUKAR BAGI MENENTUKAN KUMPULAN DAKWAH YANG TULIN ATAU SEBALIKNYA, DAN SEKIRANYA KERAJAAN BERTINDAK KE ATAS KUMPULAN INI SEBELUM KEJADIAN ITU, IA MUNGKIN DITUDUH CUBA MEMEKAN KUMPULAN DAKWAH SEDANGKAN KITA LEBIH MEMENTINGKAN KESELAMATAN RAKYAT,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH YANG DEMIKIAN KERAJAAN TERPAKSA MENUNGGU BERLAKUNYA PERKARA ITU SEBELUM MENGAMBIL TINDAKAN.

KATANYA, +ADALAH SUKAR BAGI KITA MENENTUKAN KUMPULAN MANA YANG MUNGKIN MENGGANAS TETAPI KERAJAAN AKAN MENENTUKAN BAHAWA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM KEGIATAN DAKWAH BENAR-BENAR BERDAKWAH DAN BUKAN MENGGUNAKANNYA UNTUK BERSELINDUNG BAGI MENJALANKAN LAIN-LAIN KEGIATAN SEPERTI MELATIH MENGGUNA SENJATA UNTUK MENYERANG ORANGRAMAI.+

TERDAHULU DARI ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH UTAMA YANG DIHADAPI OLEH PERUSAHAAN PERABOT TEMPATAN IALAH SOAL PENGELUARAN DAN MENDAPATKAN PASARAN.

BELIAU PERCAYA PERUSAHAAN ITU BOLEH BERKEMBANG MAJU KERANA ADANYA BAHAN-BAHAN MENTAH DAN KEPAKARAN MEMBUAT PERABOT DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENYERU PARA PENGELUAR PERABOT TEMPATAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARI PASARAN PERABOT BUATAN TANGAN YANG KURANG PERSAINGAN BERBANDING DENGAN PERABOT BUATAN JENTERA.

TURUT SERTA DALAM LAWATAN ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH. —  
BERNAMA 2046/LK